

Rujukan : UKM.IPM.600-8/1/1

Tarikh : 17 Ogos 2022

Prof. Dr. Ahmad Rohi Ghazali

Ketua Editor,
Fakulti Sains Kesihatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
50300 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
Kuala Lumpur, Malaysia.

YBhg. Prof.,

PENGHANTARAN MANUSKRIP (ULASAN) DI JURNAL SAINS KESIHATAN MALAYSIA

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan pihak kami ingin menghantar manuskrip (ulasan) yang bertajuk "Kaedah Diagnostik Semasa dan Penggunaan Ujian Titik Penjagaan Pantas (POC) Bagi Mendiagnos Hiperkolesterolemia Famili (FH)" untuk pertimbangan pihak YBhg. Prof untuk diterbitkan di Jurnal Sains Malaysiana. Penghantaran manuskrip ini terdiri daripada 3 fail dokumen yang merangkumi (i) surat iringan, (ii) teks utama dan (iii) senarai rajah di dalam format *Microsoft Words*.

2. Hiperkolesterolemia Famili (FH) ialah penyakit genetik yang diwarisi secara autosomal dominan dan dicirikan melalui peningkatan kepekatan plasma kolesterol lipoprotein berketumpatan rendah (LDL-C) di dalam darah. Pesakit FH yang tidak didiagnosis diperingkat awal dan tidak dirawat boleh meningkatkan risiko penyakit jantung koronari pramatang (CHD). Dengan kepesatan teknologi dalam bidang biologi molekul, terdapat pelbagai strategi telah diambil untuk membolehkan diagnosis awal FH dilakukan. Teknik-teknik ini dapat meningkatkan keberkesanan kos dan tempoh masa pengesanan adalah lebih cepat.

3. Di dalam ulasan manuskrip ini, kami akan membincangkan mengenai kaedah diagnostik semasa yang sedia ada untuk mendiagnosis FH yang melibatkan kriteria skor berasaskan algoritma dan pelbagai kaedah diagnosis molekul seperti Penjujukan Generasi Kedua (NGS), Penjujukan Sanger, *Multiplex Ligation-Dependent Probe Amplification* (MLPA) dan Mikroatur melalui hibridisasi DNA. Selain itu, penggunaan ujian titik penjagaan pantas (POC) sebagai pendekatan untuk mendiagnosis FH kerana ketiadaan ujian genetik bagi pemeriksaan rutin di negara yang kekurangan infrastruktur dan kepakaran juga akan dibincangkan. Ujian aliran lateral (LFA) telah mendapat perhatian sebagai kaedah diagnostik POC kerana ianya mudah, memerlukan kos yang rendah dan proses yang lebih cepat. Kelebihan ini menjadikan LFA sebagai teknik yang berpotensi dalam menangani beberapa cabaran bagi diagnosis FH khususnya bagi diagnosis awal terhadap keluarga pesakit.



INSTITUT BIOLOGI MOLEKUL PERUBATAN UKM

Pusat Perubatan UKM, Jalan Ya'acob Latiff, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel.: +603-91456321/9040 Faks +603-91717185 E-mel nor_azian@ppukm.ukm.edu.my Web www.ukm.my/umbi

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

4. Kami percaya manuskrip ini menepati skop jurnal ini dan ia boleh menarik minat pembaca dalam bidang sains kesihatan dan sains bioperubatan serta pembaca umum. Kesemua pengarang bersama telah mengambil bahagian dalam penulisan manuskrip dan telah menyemak manuskrip ini. Manuskrip ini juga belum diterbitkan di mana-mana jurnal dan bukan sedang dipertimbangkan oleh jurnal lain. Kami berharap manuskrip ini dapat disemak oleh jurnal ini untuk penerbitan. Akhir sekali, saya sediakan senarai pengulas pilihan seperti yang tertera di bawah untuk rujukan tuan.

Prof. Dr. Anis Safura Ramli
Institute of Pathology, Laboratory and Forensic Medicine (I-PPerForM),
Aras 4, Bangunan Akademik,
UiTM Kampus Sungai Buloh,
47000 Jalan Hospital, Sungai Buloh,
Selangor, Malaysia.
anis014@uitm.edu.my

Associate Prof. Then Sue-Mian
University of Nottingham Malaysia,
Jln Broga, 43500 Semenyih,
Selangor, Malaysia.
then.sue-mian@nottingham.edu.my

Prof. Madya Md Azman Seeni Mohamed
Institut Perubatan & Pergigian Termaju
(Advanced Medical & Dental Institute)
Universiti Sains Malaysia
Bertam 13200 Kepala Batas
Pulau Pinang Malaysia
azmanseeni@usm.my

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



PROFESOR MADYA DR. NOR AZIAN ABDUL MURAD
Pengarah
Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI)
Universiti Kebangsaan Malaysia



INSTITUT BIOLOGI MOLEKUL PERUBATAN UKM

Pusat Perubatan UKM, Jalan Ya'acob Latiff, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, MALAYSIA

Tel +603-91456321/9040 Faks +603-91717185 E-mel nor_azian@ppukm.ukm.edu.my Web www.ukm.my/umbi

Mengailham Harapan. Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures. Nurturing Possibilities